


BUTIRAN IKLAN

- (i) Tajuk : "MEMPELAWA PIHAK-PIHAK YANG BERMINAT UNTUK MENGEMUKAKAN CADANGAN PEMASANGAN SISTEM SOLAR DI PERKARANGAN KAWASAN TEMPAT MELETAK KERETA TERBUKA KAKITANGAN MBSP, IBU PEJABAT MBSP DI BANDAR PERDA, SPT";

LOKASI TAPAK



GAMBAR FOTO TAPAK



(ii) Syarat-syarat utama permohonan :-

- (i) Permohonan ini terbuka kepada mana-mana warganegara Malaysia yang berusia 21 tahun dan ke atas atau syarikat-syarikat yang berminat dan hendaklah tidak berstatus muflis;
- (ii) Pemohon-pemohon yang layak bolehlah memohon secara bertulis (tiada borang disediakan) kepada MBSP untuk memasang sistem solar di kawasan tempat letak kereta terbuka kakitangan MBSP di ibu pejabat MBSP di Bandar Perda, SPT dengan mengemukakan nama seperti dalam kad pengenalan atau nama syarikat bersama salinan pendaftaran syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sila nyatakan alamat terkini serta nombor telefon yang dapat dihubungi. Permohonan bertulis daripada pihak-pihak yang berminat hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut;
 - a) Cadangan pemasangan sistem solar dan kaedah pemasangan serta material yang terlibat;
 - b) Tempoh hak pengurusan untuk menduduki tanah MBSP tersebut;
 - c) Balasan / faedah kepada MBSP berkaitan dengan peratusan penjimatan bil elektrik sebulan serta lain-lain perkara yang dapat ditawarkan kepada Majlis;
 - d) Nyatakan jumlah pelaburan yang akan dibelanjakan oleh pemohon bagi tujuan ini serta perinciannya;
 - e) Jadual serta tempoh masa pemasangan sistem solar ini di premis MBSP serta perinciannya;
 - f) Pengalaman syarikat di dalam pemasangan sistem solar sebelum ini;
 - g) Sila kepilkan sesalinan terkini pendaftaran syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
 - h) Lain-lain maklumat yang relevan berkaitan cadangan permohonan.
- (iii) Tempoh hak pengurusan tapak adalah tidak melebihi lima belas (15) tahun iaitu (3 tahun + 3 tahun + 3 tahun + 3 tahun + 3 tahun). Pemohon yang berjaya hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada Majlis setiap 3 bulan sebelum tamatnya tempoh hak pengurusan setiap 3 tahun samada tempoh hak pengurusan hendak diteruskan ataupun tidak;
- (iv) Setiap pemohon mestilah menyerahkan permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani serta diletakkan ke dalam satu sampul surat yang dimeterai. Permohonan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti menerima permohonan yang disediakan di Kaunter Berpusat MBSP bermula pada **19 Ogos 2020 hingga 1 September 2020 (sebelum jam 12 tengahari)**;
- (v) Setiap pemohon perlulah mencatitkan perkataan '*Permohonan Untuk mengemukakan cadangan pemasangan sistem solar di perkarangan kawasan tempat meletak kereta terbuka kakitangan MBSP, Ibu Pejabat MBSP di Bandar Perda, SPT di atas sebelah kiri sampul surat permohonan;*'
- (vi) Semua kos-kos pembinaan, kos penyelenggaraan dan kos pengurusan sistem solar serta kelengkapannya dan lain-lain kos adalah di bawah tanggungjawab sepenuhnya pemohon yang berjaya. Pemohon juga hendaklah segera membaiki apa-apa kerosakan sekiranya diarahkan oleh MBSP berkaitan pemasangan solar dan struktur-struktur yang berkaitan dengannya. Pemohon dikehendaki mempunyai pejabat yang tetap di negeri Pulau Pinang bagi memudahkan urusan;
- (vii) Pemohon yang berjaya dikehendaki mengemukakan pelan latar untuk kelulusan MBSP sebelum apa-apa pemasangan dilaksanakan. Pemohon dikehendaki mengemukakan pelan yang terlibat selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh penerimaan tawaran;

- (viii) Pemohon yang berjaya dikehendaki menggunakan tapak MBSP tersebut bagi tujuan pemasangan sistem solar serta kelengkapannya sahaja. Walau bagaimanapun, pemohon adalah bebas untuk mencadangkan apa-apa struktur yang boleh dimanfaatkan oleh Majlis melalui pemasangan sistem solar tersebut;
- (ix) Apa-apa cadangan pemasangan sistem solar oleh pemohon hendaklah tidak menjelaskan kegunaan tapak tersebut sebagai tempat meletak kereta bagi kakitangan MBSP;
- (x) Pemohon yang berjaya hendaklah menyatakan persetujuan menerima tawaran daripada MBSP selewat - lewatnya dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh surat MBSP dikeluarkan. Pemohon dianggap menolak tawaran jika gagal menyatakan persetujuan menerima tawaran dalam jangkamasa yang ditetapkan;
- (xi) Pemohon yang berjaya tidak dibenarkan menyerah, menyewa kecil atau melepaskan mana-mana bahagian tapak yang diberikan hak pengurusan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada MBSP;
- (xii) Pemohon yang berjaya hendaklah membenarkan pegawai-pegawai, kakitangan atau agen MBSP pada masa-masa yang munasabah memasuki dan memeriksa tapak tempat meletak kereta terbuka kakitangan MBSP di ibu pejabat MBSP di Bandar Perda, SPT serta memeriksa sistem solar dan perkakasannya;
- (xiii) Pemohon yang berjaya dengan kosnya sendiri dikehendaki merobohkan apa-apa struktur yang tidak dikehendaki oleh MBSP dan menyerahkan apa-apa struktur yang dikehendaki oleh MBSP selepas tamatnya tempoh hak pengurusan atau apabila berlaku penamatian awal tanpa menuntut apa-apa pampasan. Pemohon juga hendaklah memberikan latihan serta tunjuk ajar yang secukupnya kepada kakitangan Jabatan Kejuruteraan MBSP jika diarahkan oleh Majlis dari aspek kaedah pengurusan, pembaikan dan penyelenggaraan sistem solar yang dipasang, perkakasannya serta struktur-struktur lain yang terlibat;
- (xiv) Pemohon yang berjaya dikehendaki menandatangani surat akuan penerimaan tawaran dan perjanjian dengan MBSP dan akuan penerimaan tawaran dan perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan memberi tiga (3) bulan notis bertulis;
- (xv) MBSP berhak menamatkan hak pengurusan jika berlaku apa-apa pelanggaran syarat oleh pemohon yang berjaya;
- (xvi) Pemohon yang berjaya dikehendaki memperolehi lesen yang berkaitan dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensi atau jabatan-jabatan yang mengawalselia aktiviti-aktiviti perniagaan pemohon dan tidak dibenarkan menjalankan aktiviti yang menyalahi apa-apa perundangan di Malaysia;
- (xvii) Pemohon yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian dengan MBSP dan menanggung sepenuhnya kos penyediaan perjanjian serta kos-kos lain yang berkaitan dengannya;
- (xviii) Pemohon yang berjaya hendaklah memastikan bahawa aktiviti yang akan dijalankan tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu dan pemasangan sistem solar tersebut serta perkakasannya dan lain-lain struktur di tapak hendaklah dilaksanakan dengan teratur dan apa-apa kerosakan dan kemalangan yang melibatkan harta benda Majlis serta kakitangan yang diakibatkan oleh kecuaian pemohon hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon;
- (xix) Pemohon yang berjaya hendaklah mengikuti sepenuhnya arahan-arahan daripada Jabatan Kejuruteraan MBSP yang akan memantau dan mengawal selia di sepanjang tempoh hak pengurusan, pemasangan sistem solar serta perkakasannya dan lain-lain struktur di kawasan tempat meletak kereta kakitangan MBSP di ibu pejabat MBSP di Bandar Perda, SPT;

- (xx) Pemohon yang berjaya hendaklah menginsurans struktur yang terlibat di sepanjang tempoh hak pengurusan;
 - (xxi) Pemohon yang berjaya hendaklah mendapatkan pengesahan jurutera C & S yang bertauliah mengenai pelan binaan berhubung kekuahan struktur. MBSP tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang masalah (sekiranya berkaitan); dan
 - (xxii) Syarat-syarat lain yang akan ditentukan oleh MBSP.
- iii) Sekiranya tuan memerlukan maklumat lanjut berhubung perkara ini, tuan boleh menghubungi Encik Ahmad Syahrir Bin Jaafar di talian 04-5497496 dan Encik Abd Latif Bin Yaman di talian 04-5497497.